KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KURIKULUM PERSEKOLAHAN 2027

DOKUMEN KURIKULUM
PENDIDIKAN MUZIK

Tingkatan 1



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KURIKULUM PERSEKOLAHAN 2027

DOKUMEN KURIKULUM
Pendidikan Muzik
Tingkatan 1

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Terbitan 2026

© Kementerian Pendidikan

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa-apa cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Aras 4, 6 - 8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

KURIKULUM PERSEKOLAHAN 2027
DOKUMEN KURIKULUM
PENDIDIKAN MUZIK
TINGKATAN 1

ISBN 978-967-420-838-7

PERAKUAN

Dengan ini diperakukan bahawa dokumen ini telah disediakan dan disemak oleh pihak yang bertanggungjawab di Kementerian Pendidikan. Kandungan dokumen ini adalah selaras dengan dasar, garis panduan dan ketetapan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Dokumen ini boleh digunakan sebagai rujukan rasmi bagi tujuan yang berkaitan.

.....

Ketua Pendaftar
Kementerian Pendidikan

Tarikh: 23 Jun 2026

Cap Rasmi:



KANDUNGAN

Kata Pengantar vii
Rukun Negara viii
Falsafah Pendidikan Kebangsaan ix
Definisi Kurikulum Kebangsaan x
Pendahuluan 1
Matlamat 1
Kurikulum Berasaskan Standard dan Berorientasikan Kompetensi 2
Kerangka Kurikulum Persekolahan 2027 2
Kompetensi 4
Fokus Kurikulum Persekolahan 2027 6
Pembentukan Karakter 8
Pentaksiran Bilik Darjah 8
Elemen Nilai Tambah 10
Kurikulum Pendidikan Muzik 11
- Pengenalan 11
- Matlamat 11
- Objektif Umum 12
- Objektif Khusus 12
- Fokus 13
- Strategi Pengajaran dan Pembelajaran 16

Organisasi Kandungan 16
1.0 Teori Muzik 19
1.1. Membaca dan Menulis Notasi Muzik 20
2.0 Kemahiran Muzik 31
2.1. Ensembel Nyanyian 32
2.2. Ensembel Muzik 37
3.0 Kreativiti Muzik 43
3.1. Mencipta Corak Irama 44
4.0 Apresiasi Muzik 49
4.1. Muzik Asia Tenggara 50
Glosari 55
Penghargaan 58

KATA PENGANTAR

Kurikulum merupakan nadi utama pendidikan dan teras kepada sistem pendidikan negara. Kurikulum dirangka dengan hasrat untuk melahirkan generasi yang terdidik, berpengetahuan, berkemahiran, beradab dan bersedia menghadapi cabaran serta memenuhi keperluan pembangunan negara pada masa hadapan.

Kementerian Pendidikan (KPM) telah melaksanakan kajian menyeluruh meliputi sesi libat urus dan tinjauan pelaksanaan kurikulum bagi mendapatkan input serta cadangan penambahbaikan pelaksanaan kurikulum semasa dan kurikulum masa hadapan. Usaha ini bertujuan untuk memastikan kurikulum persekolahan di Malaysia kekal relevan, dinamik, berkualiti, memenuhi keperluan negara dan setanding dengan kurikulum negara maju. Hasil daripada inisiatif tersebut, KPM memperkenalkan Kurikulum Persekolahan 2027 (KP2027).

Berlandaskan Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, matlamat KP2027 adalah untuk melahirkan **insan sejahtera** yang seimbang dalam semua aspek kehidupan, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, memupuk perpaduan dan hubungan sosial yang harmoni. Kurikulum ini diharap dapat membentuk warganegara yang beradab, bertanggungjawab dan berdaya saing di peringkat global.

KP2027 dibangunkan dengan beberapa pembaharuan bagi menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih fleksibel, menyeronokkan dan selaras dengan perkembangan pesat dunia. Dokumen KP2027 yang digubal menyepadukan tujuh kompetensi utama dalam kerangka kurikulum bagi memastikan matlamatnya dapat dicapai dengan berkesan. Kandungan kurikulum pula disusun dengan penekanan kepada kemahiran tertentu di setiap tahap persekolahan bagi memudahkan guru melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sejajar dengan kematangan usia murid.

Pembelajaran bersepadu diperkenalkan di sekolah rendah untuk memberikan murid pengalaman yang lebih bermakna, dan relevan. Program Pembentukan Karakter pula dilaksanakan daripada peringkat Prasekolah hingga Menengah Atas bagi melahirkan individu bersahsiah unggul, beradab dan bertanggungjawab.

Guru perlu memanfaatkan autonomi dan kreativiti di bilik darjah untuk melaksanakan kaedah pengajaran berfokuskan murid. Pendekatan ini memastikan murid dapat menguasai kemahiran penting bagi pembelajaran dan kehidupan seharian mereka.

KPM merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KP2027. Semoga pelaksanaan kurikulum ini dapat merealisasikan hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan ke arah kecemerlangan.

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
KPM



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA, NEGARA KITA MALAYSIA
Mendukung cita-cita ke arah:

Memperkukuh perpaduan masyarakat;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Membentuk masyarakat adil yang menikmati kemakmuran negara secara saksama;
Menjamin kaedah liberal terhadap keterangkuman tradisi kebudayaan yang rencam;
Membina masyarakat progresif dan berdaya cipta yang menggunakan sains dan teknologi terkini.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

Kepercayaan kepada Tuhan
Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-Undang
Kesopanan dan Kesusilaan

Sumber: Malaysia 2026 (Kementerian Perpaduan Negara)

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Subperaturan 3(1) Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997*
[PU(A)531/97.]

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017) telah mula dilaksanakan pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak bermula tahun 2017. Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) telah selesai satu kitaran penuh pada tahun 2022 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah pula pada tahun 2021.

KPM telah menjalankan kajian menyeluruh meliputi sesi libat urus yang komprehensif dan tinjauan keberkesanan terhadap pelaksanaan kurikulum semasa. Langkah ini bagi memastikan kurikulum kebangsaan kekal relevan, dinamik dan berkualiti sejajar dengan keperluan semasa serta perkembangan global.

KPM kini memperkenalkan Kurikulum Persekolahan 2027 (KP2027) hasil daripada kajian mendalam terhadap keperluan pendidikan masa hadapan. Pelaksanaan yang bermula pada tahun 2026 ini berfokus kepada pembangunan modal insan berintegriti bagi memenuhi aspirasi negara maju yang inklusif serta mampan.

MATLAMAT

KP2027 bermatlamat melahirkan insan sejahtera yang mengamalkan kehidupan seimbang dalam segala aspek penting seperti jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial serta sentiasa membudayakan pembelajaran sepanjang hayat. Dalam masa yang sama mereka menghargai perpaduan dan keharmonian kaum, menghormati kepelbagaian serta mampu membangunkan hubungan sosial yang sihat dalam lingkungan kehidupan. Seterusnya, mereka tampil sebagai warganegara beradab, bertanggungjawab dan mampu untuk berdaya saing di peringkat global.

Konsep insan sejahtera turut menekankan keterangkuman semua pihak dalam memastikan tiada individu yang terpinggir atau ketinggalan. Murid di luar arus perdana seperti Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) serta murid pintar cerdas juga mendapat peluang yang sama rata dalam mencapai matlamat insan sejahtera melalui pembelajaran yang mengambil kira keupayaan dan keperluan mereka untuk mengembangkan potensi diri.

Insan sejahtera dilengkapi dengan kompetensi Perkembangan Diri, Komunikasi, Tanggungjawab, Fasih Digital, Literasi Pelbagai, Kemahiran Berfikir dan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Kompetensi ini bukan sahaja memenuhi keperluan masa hadapan malah dapat meningkatkan taraf hidup individu, keluarga dan masyarakat serta menyumbang kepada kesejahteraan negara dan sejagat.

KURIKULUM BERASASKAN STANDARD DAN BERORIENTASIKAN KOMPETENSI

KP2027 merupakan kurikulum yang berasaskan standard dan berorientasikan kompetensi. Kurikulum yang berasaskan standard menetapkan sasaran iaitu pengetahuan, kemahiran dan adab yang harus dikuasai oleh murid. Penyataan standard terdiri daripada Kandungan Pembelajaran, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang perlu dicapai oleh murid dalam suatu tempoh dan tahap persekolahan.

Kurikulum berorientasikan kompetensi pula menekankan keberhasilan proses pembelajaran yang holistik dan pada masa yang sama, membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap berasaskan standard yang telah ditetapkan. Kedua-dua pendekatan ini digabungkan bagi melahirkan murid yang berpengetahuan, kompeten dan memiliki adab terpuji serta keseimbangan yang optimum selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan.

KERANGKA KURIKULUM PERSEKOLAHAN 2027

Kerangka KP2027 (Rajah 1) mengandungi tujuh kompetensi yang disampaikan melalui kandungan, dibangunkan melalui pedagogi dan dinilai melalui pentaksiran. Tujuh kompetensi tersebut terdiri daripada Perkembangan Diri, Komunikasi, Tanggungjawab, Fasih Digital, Literasi Pelbagai, Kemahiran Berfikir dan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Kompetensi tersebut saling berkait bagi melengkapkan murid sebagai individu yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai keunggulan sahsiah dan beradab, seterusnya membentuk murid sebagai insan sejahtera.



1 Perkembangan Diri

- Perkembangan Kerohanian
- Perkembangan Fizikal
- Kesedaran Kendiri
- Pengurusan Kendiri
- Kesedaran Sosial
- Pengurusan Sosial

2 Komunikasi

- Interpersonal
- Intrapersonal
- Interaksi antara Budaya
- Interaksi Global

3 Tanggungjawab

- Kewarganegaraan (Lokal dan Global)
- Keusahawanan
- Kelestarian Alam Sekitar
- Kerjaya
- Khidmat Kemasyarakatan
- Kemanusiaan
- Inklusif

4 Fasih Digital

- Pengurusan Data, Maklumat dan Teknologi
- Pemikiran Komputasional dan Penyelesaian Masalah
- Penciptaan Kandungan Digital
- Komunikasi dan Kolaborasi Digital
- Kewarganegaraan Digital dan Keselamatan Siber

5 Literasi Pelbagai

- Literasi Multimodal
- Literasi Digital
- Literasi Media
- Literasi Maklumat
- Literasi Visual
- Literasi Budaya
- Literasi Kritis
- Intertekstualiti
- Kesedaran Retorik

6 Kemahiran Berfikir

- Kritis
- Kreatif dan Inovatif

7 Pembelajaran Sepanjang Hayat

- Belajar Cara Belajar
- Budaya Membaca

Rajah 1: Kerangka Kurikulum Persekolahan 2027

KOMPETENSI

Kompetensi merujuk kepada keupayaan dalam aspek pengetahuan, kemahiran, tingkah laku dan cara berfikir yang dikuasai oleh murid pada peringkat pendidikan yang berbeza. Murid yang kompeten berupaya mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan adab yang diperoleh dalam pelbagai situasi kehidupan.

Tujuh kompetensi utama yang digariskan merangkumi subkompetensi yang boleh disesuaikan dengan keperluan semasa. Pendekatan ini dapat memastikan kurikulum yang dibangunkan kekal relevan sejajar dengan standard terkini di samping berupaya menyediakan murid dengan kompetensi yang komprehensif untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Huraian bagi setiap kompetensi tersebut adalah seperti berikut:

Perkembangan Diri

Perkembangan Diri membolehkan murid berkeupayaan mengurus diri daripada aspek kerohanian, perubahan diri, perhubungan dengan orang lain, dan kehidupan untuk membantu pembelajaran serta pertumbuhan diri yang berterusan. Kompetensi ini menekankan pembentukan karakter seorang murid yang berdaya tahan, tangkas dan memiliki kesedaran yang tinggi serta pertumbuhan minda. Rujuk Jadual 1.

Jadual 1: Kompetensi Perkembangan Diri

Kompetensi: Perkembangan Diri	
Subkompetensi	
i.	Perkembangan Kerohanian
ii.	Perkembangan Fizikal
iii.	Kesedaran Kendiri
iv.	Pengurusan Kendiri
v.	Kesedaran Sosial
vi.	Pengurusan Sosial

Komunikasi

Komunikasi merupakan proses pertukaran maklumat, idea, fikiran atau perasaan antara individu atau kumpulan yang melibatkan penghantaran mesej daripada pengirim kepada penerima dengan tujuan untuk menyampaikan maksud dan memberi pemahaman. Komunikasi boleh berlaku menggunakan pelbagai mod termasuk bahasa lisan, tulisan, isyarat, bahasa badan, ekspresi muka dan bentuk ekspresi yang lain seperti muzik dan lukisan. Rujuk Jadual 2.

Jadual 2: Kompetensi Komunikasi

Kompetensi: Komunikasi	
Subkompetensi	
i.	Interpersonal
ii.	Intrapersonal
iii.	Interaksi antara Budaya
iv.	Interaksi Global

Tanggungjawab

Tanggungjawab merujuk kepada keupayaan individu untuk mengurus, bertindak secara proaktif dan melaksanakan tugas serta kewajipan. Kebolehpercayaan, kejujuran dan komitmen dalam menjalankan amanah perlu ada dalam diri seseorang individu. Rujuk Jadual 3.

Jadual 3: Kompetensi Tanggungjawab

Kompetensi: Tanggungjawab	
Subkompetensi	
i.	Kewarganegaraan (Lokal dan Global)
ii.	Keusahawanan
iii.	Kelestarian Alam Sekitar
iv.	Kerjaya
v.	Khidmat Kemasyarakatan
vi.	Kemanusiaan
vii.	Inklusif

Fasih Digital

Fasih Digital merujuk kepada murid yang berpengetahuan dan berkemahiran digital, berupaya melaksanakan pembelajaran kendiri serta menggunakan teknologi digital secara bersepadu, kreatif, inovatif, bertanggungjawab dan beretika. Rujuk Jadual 4.

Jadual 4: Kompetensi Fasih Digital

Kompetensi: Fasih Digital	
Subkompetensi	
i.	Pengurusan Data, Maklumat dan Teknologi
ii.	Pemikiran Komputasional dan Penyelesaian Masalah
iii.	Penciptaan Kandungan Digital
iv.	Komunikasi dan Kolaborasi Digital
v.	Kewarganegaraan Digital dan Keselamatan Siber

Literasi Pelbagai

Literasi Pelbagai merujuk kepada kebolehan murid memahami dan berkomunikasi secara berkesan menggunakan pelbagai mod dan medium dalam pelbagai konteks yang relevan dengan era digital melangkaui literasi tradisional (membaca dan menulis). Rujuk Jadual 5.

Jadual 5: Kompetensi Literasi Pelbagai

Kompetensi: Literasi Pelbagai	
Subkompetensi	
i.	Literasi Multimodal
ii.	Literasi Digital
iii.	Literasi Media
iv.	Literasi Maklumat
v.	Literasi Visual
vi.	Literasi Budaya
vii.	Literasi Kritis
viii.	Intertekstualiti
ix.	Kesedaran Retorik

Kemahiran Berfikir

Kemahiran Berfikir merujuk kepada keupayaan murid menggunakan minda dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan adab bagi menghadapi sesuatu situasi. Rujuk Jadual 6.

Jadual 6: Kompetensi Kemahiran Berfikir

Kompetensi: Kemahiran Berfikir	
Subkompetensi	
i.	Kritis
ii.	Kreatif dan Inovatif

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pembelajaran Sepanjang Hayat merujuk kepada keupayaan murid untuk terus belajar secara berterusan dengan sikap sukarela, bertanggungjawab dan bermotivasi. Murid boleh meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi perkembangan diri serta bersedia menghadapi cabaran kehidupan dan perubahan dunia yang sentiasa berkembang. Rujuk Jadual 7.

Jadual 7: Kompetensi Pembelajaran Sepanjang Hayat

Kompetensi: Pembelajaran Sepanjang Hayat	
Subkompetensi	
i.	Belajar Cara Belajar
ii.	Budaya Membaca

FOKUS KURIKULUM PERSEKOLAHAN 2027

KP2027 memberi penekanan kepada pembangunan murid secara berperingkat selaras dengan tahap perkembangan kognitif, sosial dan emosi. Kurikulum ini dirancang bagi memastikan murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai sahsiah secara berterusan sebagai persediaan untuk melanjutkan pendidikan, memasuki alam pekerjaan dan menjalani kehidupan bermasyarakat.

Prasekolah

Pada peringkat Prasekolah, fokus diberikan kepada pembangunan asas komunikasi, kemahiran bersosialisasi dan pembentukan karakter. Murid pada tahap ini dibimbing untuk membina keyakinan diri, berinteraksi secara positif dan menguasai kemahiran asas sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan rendah.

Tahap I (Tahun 1 – Tahun 2)

Fokus pada Tahap I tertumpu kepada **penguasaan literasi dan numerasi** sebagai kemahiran asas yang menjadi tunjang kepada pembelajaran sepanjang hayat. Pembentukan karakter ditekankan melalui penerapan nilai murni, disiplin dan sikap positif dalam pembelajaran.

Tahap II (Tahun 3 – Tahun 4)

Pada Tahap II, murid mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pelbagai situasi pembelajaran. Penekanan diberikan kepada aktiviti mengukuhkan kefahaman, meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah di samping pembentukan karakter yang lebih mantap melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna.

Tahap III (Tahun 5 – Tahun 6)

Keupayaan menganalisis dan menghasilkan inovasi merupakan fokus pada Tahap III. Penekanan diberikan kepada meningkatkan keupayaan kognitif, menggabung jalin ilmu daripada pelbagai disiplin ilmu dan kompetensi yang dikuasai dalam pembelajaran berasaskan projek. Pembentukan karakter terus diperkukuh sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan pada peringkat menengah.

Menengah Rendah (Tingkatan 1 – Tingkatan 3)

Pada peringkat Menengah Rendah, murid didedahkan dengan penerokaan pelbagai bidang ilmu untuk mengenal pasti minat, bakat dan potensi diri. Pembentukan karakter diperkukuh sebelum ke peringkat Menengah Atas.

Menengah Atas (Tingkatan 4 – Tingkatan 5)

Pendidikan pada peringkat Menengah Atas tertumpu kepada pemilihan laluan bidang berdasarkan minat dan potensi diri murid untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat pengajian tinggi, memasuki alam pekerjaan dan menjalani kehidupan bermasyarakat. Pembentukan karakter terus diperkukuh dalam melahirkan insan sejahtera yang dihasratkan.

Literasi dan Numerasi

Literasi dan numerasi merupakan kemahiran asas yang menjadi tunjang pembelajaran sepanjang hayat. Kedua-dua kemahiran diterapkan dan diperkukuh merentas pelbagai bidang pembelajaran serta diaplikasikan dalam pelbagai situasi kehidupan.

Literasi merujuk kepada keupayaan murid memperoleh, memahami, mentafsir, menilai dan menggunakan maklumat daripada pelbagai medium dan konteks merentas disiplin ilmu bagi tujuan pembelajaran, komunikasi dan penyelesaian masalah.

Numerasi merujuk kepada keupayaan murid menggunakan pengetahuan tentang nombor, data dan penaakulan matematik untuk memahami, menganalisis serta menyelesaikan masalah merentas bidang ilmu dalam pelbagai situasi kehidupan.

PEMBENTUKAN KARAKTER

Pembentukan karakter merupakan elemen penting dalam melahirkan insan sejahtera yang beradab selaras dengan hasrat KP2027. Usaha ini dilaksanakan melalui empat elemen teras karakter iaitu penyayang, berdaya tahan, berupaya memimpin dan warganegara aktif yang diintegrasikan dalam semua mata pelajaran menerusi aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah dan juga di luar bilik darjah. Pengintegrasian ini dilaksanakan mengikut bidang, tema dan tajuk yang bersesuaian dalam mata pelajaran bagi memastikan pembentukan karakter murid berlaku secara holistik.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses berterusan yang dirancang, dilaksana dan dilaporkan oleh guru untuk mendapatkan maklumat mengenai perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan pembelajaran murid. PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif.

Pentaksiran formatif dilaksanakan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pentaksiran sumatif pula dilaksanakan pada akhir sesuatu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran. Pentaksiran boleh dilaksanakan menggunakan kaedah pemerhatian, lisan dan bertulis.

PBD melibatkan penentuan Tahap Penguasaan (TP). TP merupakan satu bentuk pernyataan, pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. TP umum bagi Prasekolah dan Tahap I sekolah rendah adalah seperti dalam Jadual 8 manakala TP umum bagi sekolah rendah Tahap II, Tahap III dan sekolah menengah adalah seperti dalam Jadual 9.

Jadual 8: Tahap Penguasaan Umum
Prasekolah dan Sekolah Rendah Tahap I

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
TP3 **BUAT**	Murid boleh membuat sesuatu perkara dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran.
TP2 **FAHAM**	Murid boleh menerangkan sesuatu perkara dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran.
TP1 **TAHU**	Murid boleh menyatakan sesuatu perkara dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran.

Jadual 9: Tahap Penguasaan Umum Sekolah Rendah Tahap II, Tahap III dan Sekolah Menengah

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
TP4 **AMAL**	Murid boleh mengamalkan perlakuan dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupannya secara kreatif dan inovatif.
TP3 **BUAT**	Murid boleh membuat sesuatu perkara dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran.
TP2 **FAHAM**	Murid boleh menerangkan sesuatu perkara dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran.
TP1 **TAHU**	Murid boleh menyatakan sesuatu perkara dengan beradab berasaskan pengetahuan dan kemahiran.

Pentaksiran KP2027 juga melibatkan PBD berasaskan projek. Pelaksanaan projek adalah proses pembelajaran yang berpusatkan murid yang mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu secara sistematik dan terancang. Aktiviti projek dijalankan selepas murid didedahkan kepada pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan serta boleh dilaksanakan oleh semua murid termasuk MBPK.

ELEMEN NILAI TAMBAH

Elemen nilai tambah diterapkan dalam kurikulum untuk memperkukuh kemahiran dan keterampilan murid, mempersiapkan mereka menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan. Penerapan elemen ini boleh dilaksanakan dalam PdP mengikut kesesuaian. Elemen nilai tambah ini merangkumi:

Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR)

PKJR bermula daripada peringkat prasekolah sehingga ke sekolah menengah bertujuan membentuk dan melahirkan generasi pengguna jalan raya yang mengamalkan budaya selamat, beradab, berhemah, berhati-hati dan berwaspada semasa menggunakan jalan raya.

Pendidikan Kewangan

Pendidikan Kewangan diperkenalkan dalam PdP mata pelajaran yang bersesuaian bagi meningkatkan literasi kewangan murid. Murid didedahkan kepada pengurusan kewangan peribadi yang cekap dan bijak, penerapan nilai murni serta rasa tanggungjawab dalam menghadapi cabaran hidup, serta cara membudayakan kemahiran pengurusan kewangan yang berkesan.

Pendidikan untuk Pembangunan Mampan

Matlamat Pendidikan untuk Pembangunan Mampan (ESD) diintegrasikan dalam mata pelajaran yang sesuai dan relevan bagi meningkatkan kesedaran murid terhadap isu global dan menggalakkan tindakan bertanggungjawab. Elemen ini merangkumi aspek kelestarian alam sekitar, kesaksamaan sosial, serta ekonomi berdaya tahan. Pembelajaran berasaskan projek dan aktiviti komuniti boleh digunakan untuk membantu murid mengaplikasikan konsep pembangunan mampan dalam kehidupan seharian.

KURIKULUM PENDIDIKAN MUZIK

PENGENALAN

Pendidikan Muzik ialah mata pelajaran wajib yang ditawarkan di peringkat sekolah menengah. Pelaksanaannya berasaskan Dokumen Kurikulum Pendidikan Muzik yang berfungsi sebagai rujukan utama kepada guru, pentadbir dan pihak berkepentingan dalam merancang serta melaksanakan kurikulum tersebut selaras dengan keperluan semasa. Dokumen ini merangkumi kandungan kurikulum, strategi PdP serta pentaksiran yang diterjemahkan melalui Bidang Pembelajaran, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Kurikulum Pendidikan Muzik digubal bagi memastikan murid menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang muzik serta mengembangkan kecerdasan pelbagai. Kurikulum ini juga disusun dan dirancang bertujuan merangsang kreativiti, memupuk pemikiran kritis dan memperkukuhkan kemahiran komunikasi serta penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK).

Murid juga dididik untuk menghargai warisan budaya negara dan bersedia menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan sebenar. Semua aspirasi mata pelajaran ini dinyatakan secara eksplisit melalui bidang pembelajaran Teori Muzik, Kemahiran Muzik, Kreativiti Muzik dan Apresiasi Muzik sejajar dengan matlamat KP2027.

MATLAMAT

Kurikulum Pendidikan Muzik bermatlamat melahirkan insan berbakat yang berpengetahuan dan berkemahiran asas muzik dalam memupuk bakat serta kreativiti di samping membentuk kesedaran dan penghargaan terhadap muzik daripada pelbagai budaya.

OBJEKTIF UMUM

Kurikulum Pendidikan Muzik menengah rendah bertujuan membolehkan murid mencapai objektif yang berikut:

1. Menulis notasi muzik secara konvensional.
2. Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman notasi muzik dalam aktiviti muzik.
3. Menyanyikan lagu dan memainkan alat muzik secara ensembel.
4. Memberikan ulasan secara kritis terhadap muzik yang didengar menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik.
5. Membuat persembahan muzik.
6. Mempamerkan nilai dan etika persembahan menerusi aktiviti muzik.

OBJEKTIF KHUSUS

Kurikulum Pendidikan Muzik Tingkatan 1 membolehkan murid mencapai objektif bidang pembelajaran yang berikut:

Bidang Pembelajaran Teori Muzik

1. Mengenal pasti dan menulis terminologi serta simbol muzik.
2. Mengenal pasti dan menulis notasi dalam klef trebel.
3. Mengenal pasti dan menulis meter lazim. .
4. Mengenal pasti dan menulis skel C major dan A minor natural pada baluk.

Bidang Pembelajaran Kemahiran Muzik

1. Mengenal pasti ensembel muzik.
2. Menyanyikan lagu dan memainkan alat muzik dengan teknik yang betul.
3. Membuat persembahan muzik secara ensembel.

Bidang Pembelajaran Kreativiti Muzik

1. Memainkan corak irama.
2. Mencipta corak irama mudah.
3. Mempersembahkan hasil ciptaan corak irama.

Bidang Pembelajaran Apresiasi Muzik

1. Mengenal pasti muzik Malaysia.
2. Menulis ulasan muzik Malaysia.
3. Membuat pembentangan muzik Malaysia.

FOKUS

Kurikulum Pendidikan Muzik menengah rendah digubal dengan memberi fokus kepada empat bidang pembelajaran yang saling melengkapi iaitu:

1. Teori Muzik
2. Kemahiran Muzik
3. Kreativiti Muzik
4. Apresiasi Muzik

Keempat-empat bidang ini menjadi teras kepada pembinaan pengetahuan muzik dan penguasaan kemahiran asas muzik seperti memainkan alat muzik dan menghasilkan karya muzik serta kepekaan dalam bidang muzik yang meliputi nilai dan etika dalam konteks penghayatan muzik secara holistik.

Pelaksanaan kurikulum ini memberi peluang kepada murid untuk mengembangkan bakat dan kreativiti, meningkatkan keyakinan diri, mengukuhkan kemahiran sosial serta menyumbang kepada kesejahteraan diri dan penghayatan budaya pelbagai kaum dalam masyarakat.

Bidang Pembelajaran Teori Muzik Tingkatan 1

1. Murid mempelajari dan menguasai kemahiran asas membaca dan menulis notasi muzik.
2. Murid mengaplikasi pengetahuan dan kefahaman notasi muzik dalam aktiviti muzik.

Bidang Pembelajaran Kemahiran Muzik Tingkatan 1

1. Murid mempelajari dan menguasai kemahiran bernyanyi dan bermain alat muzik secara ensembel.
2. Murid memainkan pelbagai genre lagu dengan mengaplikasikan pengetahuan membaca dan menulis notasi muzik yang telah dipelajari.
3. Murid membuat persembahan secara ensembel dengan mempamerkan:
   a. penguasaan kemahiran nyanyian secara ensembel.
   b. penguasaan memainkan alat muzik secara ensembel.
   c. bakat, keyakinan diri serta nilai dan etika dalam persembahan muzik.
4. Kriteria pemilihan ensembel nyanyian dan ensembel muzik.
   a. Murid wajib mempelajari dua ensembel iaitu ensembel nyanyian dan ensembel muzik.
   b. Murid mempelajari ensembel nyanyian dan ensembel muzik mengikut kepakaran guru dan kesediaan sekolah.
   c. Murid mempelajari ensembel nyanyian dan ensembel muzik yang sama bermula dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3.
5. Cadangan ensembel nyanyian.
   a. Contoh ensembel nyanyian
      - Duet
      - Koir
      - Nasyid
   b. Guru boleh memilih ensembel nyanyian selain daripada yang dicadangkan.

6. Cadangan Ensembel Muzik adalah seperti Jadual 10.

Jadual 10: Cadangan Ensembel Muzik

ENSEMBEL MUZIK		
Angklung	Sape	Kulintangan
Caklempong	Sompoton	Muzik Asli
Dikir Barat	Gamelan Melayu	Muzik Klasik India
Dikir Rebana	Gendang Silat	Muzik Wayang Kulit
Dondang Sayang	Kompang	Orkestra Cina
Kibod	Ghazal	Orkestra Barat
Gitar/Ukulele	Hadrah	Rebana Ubi
Ensembel Buluh/ Sewang	Keroncong	Tumbuk Kalang
Tuku Kamek	Kombo	Ensembel Gong Besar

Bidang Pembelajaran Kreativiti Muzik Tingkatan 1

1. Murid mempelajari menguasai dan mengaplikasi kemahiran asas teknik improvisasi serta corak irama.
2. Murid berpeluang mempamerkan bakat, membina keyakinan diri serta penguasaan dalam hasil ciptaan dan mengamalkan nilai murni dalam persembahan muzik.

Bidang Pembelajaran Apresiasi Muzik Tingkatan 1

1. Murid menguasai kemahiran mempelajari tentang muzik pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia.
2. Murid mendengar secara aktif pelbagai jenis muzik masyarakat di Malaysia dan seterusnya memberi respon secara lisan dan penulisan.
3. Murid menulis dan membuat ulasan ringkas tentang muzik Malaysia agar dapat menghayati serta menghargai latar belakang kepelbagaian budaya.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi PdP merujuk kepada pengaplikasian pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik. Kepelbagaian strategi PdP ini membolehkan guru menyalurkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan menerapkan nilai yang dihasratkan dalam kurikulum. Tujuannya adalah untuk melahirkan murid yang seimbang, kritis, kreatif dan inovatif. Perancangan strategi PdP perlu mengambil kira kepelbagaian gaya pembelajaran murid, kesesuaian bahan, fleksibiliti persekitaran pembelajaran dan kaedah pentaksiran.

Antara kaedah dan teknik yang disarankan untuk PdP di bilik darjah adalah didik hibur, penyelesaian masalah, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran koperatif, pendekatan inkuiri, pembelajaran luar bilik darjah, pengajaran bertema, pendekatan STEM dan lain-lain yang bersesuaian.

ORGANISASI KANDUNGAN

Dokumen kurikulum ini memberi fokus kepada penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan adab yang sesuai dengan tahap kebolehan dan keupayaan murid berdasarkan susunan organisasi kandungan. Rujuk Jadual 11.

Jadual 11: Organisasi Kandungan

Kandungan Pembelajaran	Aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai yang murid patut ketahui dan boleh lakukan bagi mencapai subbidang /subtema/subkemahiran.
Kompetensi	Keupayaan yang signifikan disepadukan secara holistik dengan pengetahuan, kemahiran dan adab melalui penguasaan subbidang/subtema/ subkemahiran.
Standard Pembelajaran	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur.
Standard Prestasi	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai.
Nota	Perkara yang perlu diberi penjelasan atau penegasan tentang standard pembelajaran (Skop dan kedalaman kandungan berserta contoh aktiviti/pendekatan).
Glosari	Senarai istilah bersama takrifnya yang disusun mengikut abjad bagi sesuatu bidang pengetahuan.

Kandungan bagi Dokumen Kurikulum Pendidikan Muzik Tingkatan 1 adalah berdasarkan Bidang Pembelajaran seperti dalam Jadual 12. Peruntukan cadangan waktu bagi mata pelajaran ini adalah dua waktu seminggu.

Jadual 12: Organisasi Kandungan Dokumen Kurikulum Pendidikan Muzik Tingkatan 1

BIDANG PEMBELAJARAN	SUBBIDANG PEMBELAJARAN
1.0 Teori Muzik	1.1 Membaca dan Menulis Notasi Muzik
2.0 Kemahiran Muzik	2.1 Ensembel Nyanyian 2.2 Ensembel Muzik
3.0 Kreativiti Muzik	3.1 Mencipta Corak Irama
4.0 Apresiasi Muzik	4.1 Muzik Malaysia

Guru boleh melayari laman sesawang BPK untuk mendapatkan dokumen kurikulum dan bahan sokongan.

1.0 BIDANG PEMBELAJARAN TEORI MUZIK

1.1 MEMBACA DAN MENULIS NOTASI MUZIK

BIDANG PEMBELAJARAN	**1.0 TEORI MUZIK**
SUBBIDANG PEMBELAJARAN	**1.1 MEMBACA DAN MENULIS NOTASI MUZIK**
PENERANGAN	**KANDUNGAN PEMBELAJARAN** Subbidang pembelajaran ini membolehkan murid mempelajari dan menguasai kemahiran membaca serta menulis notasi muzik secara konvensional. Murid mempelajari perkara asas dalam penulisan muzik. Murid mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman teori muzik dalam aktiviti muzik. Skop: 1. Menulis not pada klef trebel sehingga satu garisan lejer. 2. Menulis binaan skel C major dan A minor natural.





	KOMPETENSI 1. Literasi Pelbagai Murid boleh meningkatkan literasi pelbagai dengan subkompetensi intertekstualiti yang memberi fokus kepada kemampuan mengenal notasi muzik. 2. Kemahiran Berfikir • Murid boleh memahami dan meneroka logik dalam penulisan notasi muzik. • Murid boleh mengukuhkan kemahiran membaca dan menulis notasi muzik secara sistematik menggunakan simbol.

STANDARD PEMBELAJARAN

1.1.1 Mengenal pasti serta menuliskan jenis not dan tanda rehat.

i. semibrif
ii. minim bertitik
iii. minim
iv. krocet
v. kuaver

Nota

Jenis not	Nilai not	Tanda rehat
semibrif	4 detik	
minim bertitik	3 detik	
minim	2 detik	
krocet	1 detik	 atau
kuaver	1/2 detik	

STANDARD PEMBELAJARAN	
1.1.2 Mengenal pasti dan menulis meter lazim. i. **2/4** ii. **3/4** iii. **4/4**	• Aspek yang perlu ditekankan dalam penulisan meter. – Maksud angka pada meter. – Fungsi garis bar. – Konsep pengumpulan not dan tanda rehat. • Contoh penulisan SP 1.1.2 dan 1.1.3 adalah seperti lampiran 1 muka surat 26.
1.1.3 Mengenal dan menulis klef trebel pada baluk.	
1.1.4 Menulis notasi pada baluk dalam klef trebel sehingga satu garis lejer.	• Contoh penulisan SP 1.1.4 adalah seperti lampiran 2 muka surat 27.
1.1.5 Menulis skel C major satu oktaf dalam klef trebel. i. Skel C major secara menaik. ii. Skel C major secara menurun.	• Contoh penulisan skel SP 1.1.5 adalah seperti lampiran 3 muka surat 28.

STANDARD PEMBELAJARAN	
1.1.6 Menulis skel A minor natural satu oktaf dalam klef trebel. i. Skel A minor natural secara menaik ii. Skel A minor natural secara menurun	• Contoh penulisan skel SP 1.1.6 adalah seperti lampiran 4 muka surat 29.
1.1.7 Menjelaskan maksud terminologi dinamik. i. *piano* ($\boldsymbol{p}$) ii. *forte* ($\boldsymbol{f}$)	• Contoh penulisan terminologi dan simbol muzik SP 1.1.7, 1.1.8, dan 1.1.9 adalah seperti lampiran 1 muka surat 26.
1.1.8 Menjelaskan dan menulis arahan persembahan. i. tanda ulang ii. tanda penamat	
1.1.9 Menjelaskan dan menulis terminologi tempo. i. *Andante* ii. *Allegro*	


STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	**TAFSIRAN**
4	Murid boleh menyanyikan lagu atau memainkan alat muzik secara ekspresif dan konsisten dalam ensembel dengan mengamalkan nilai dan etika persembahan.
3	Murid boleh mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran membaca notasi muzik semasa menyanyikan lagu atau memainkan alat muzik secara ensembel.
2	Murid boleh menerangkan perkara asas notasi muzik, menyanyikan lagu dan memainkan alat muzik secara ensembel.
1	Murid boleh menyatakan perkara asas notasi muzik dan menyanyikan lagu atau memainkan alat muzik secara ensembel.

Catatan:

Pentaksiran Bidang Pembelajaran Teori Muzik dan Bidang Pembelajaran Kemahiran Muzik akan menggunakan Standard Prestasi di atas.

LAMPIRAN 1


Contoh SP 1.1.2 , 1.1.3, 1.1.7, 1.1.8, dan 1.1.9 pada muka surat 23 dan 24.




Perkataan	Penerangan
Andante	Tempo sederhana lambat
Baluk	Lima garisan selari yang digunakan dalam penulisan notasi muzik
forte (f)	Bunyi kuat
piano (p)	Bunyi lembut

LAMPIRAN 2


Contoh penulisan kedudukan not pada baluk sehingga satu garisan lejer bagi SP 1.1.4 pada muka surat 23.



Kedudukan not dalam ruang pada baluk.




Kedudukan not atas garisan pada baluk.




LAMPIRAN 3

Contoh penulisan skel C major bagi SP 1.1.5 pada muka surat 23.


Skel C major menaik



Skel C major menurun




Contoh skel C major pada paparan alat muzik keyboard




LAMPIRAN 4

Contoh penulisan skel A minor natural bagi SP 1.1.6 pada muka surat 24.


Skel A minor natural menaik



Skel A minor natural menurun



Contoh skel A minor natural pada paparan alat muzik keyboard



2.0 BIDANG PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MUZIK

2.1 ENSEMBEL NYANYIAN

2.2 ENSEMBEL MUZIK

BIDANG PEMBELAJARAN	**2.0 KEMAHIRAN MUZIK**
SUBBIDANG PEMBELAJARAN	**2.1 ENSEMBEL NYANYIAN**
PENERANGAN	**KANDUNGAN PEMBELAJARAN** Subbidang pembelajaran ini membolehkan murid mempelajari, menguasai dan mengaplikasi kemahiran asas bernyanyi secara ensembel. Murid berpeluang mempamerkan bakat, membina keyakinan dan penguasaan dalam aktiviti nyanyian melalui persembahan yang ekspresif, konsisten dan beretika. Penyepaduan elemen penyayang, berdaya tahan, kepimpinan dan warganegara aktif dilaksanakan dalam aktiviti PdP dan persembahan nyanyian. Skop: 1. Pemilihan ensembel nyanyian berdasarkan kepakaran guru, persekitaran murid dan sekolah. 2. Mempelajari sekurang-kurangnya satu lagu. 3. Pemilihan lagu adalah bersesuaian dengan tahap pemilihan murid Tingkatan 1. 4. Persembahan dilaksanakan mengikut kesesuaian dan keperluan PdP.

	KOMPETENSI 1. Perkembangan Diri • Murid boleh mengukuhkan minat dan bakat dalam nyanyian. • Murid boleh menguruskan kesedaran sosial dan emosi semasa latihan serta persembahan muzik. • Murid boleh mempamerkan sikap dan pengetahuan yang menggalakkan perkembangan fizikal, emosi, intelek dan sosial yang sihat. 2. Literasi Pelbagai Murid boleh mengaplikasikan kemahiran membaca notasi muzik semasa nyanyian. 3. Komunikasi Murid boleh memberikan respons terhadap sesuatu mesej secara kritis, kreatif dan bertatasusila semasa menyanyi secara ensembel.

STANDARD PEMBELAJARAN	
2.1.1 Bernyanyi secara *unison* dengan pic dan sebutan yang betul mengikut tempo. 2.1.2 Bernyanyi secara *unison* dengan teknik yang betul: i. postur ii. pernafasan iii. lontaran suara iv. artikulasi 2.1.3 Bernyanyi secara *unison* dengan mengaplikasikan dinamik dalam nyanyian: i. *piano* ($\boldsymbol{p}$) ii. *forte* ($\boldsymbol{f}$)	Nota: • Latihan sebelum memulakan nyanyian. Contoh: – solfa – *bubbling* – *hissing* – *humming* • Latihan menyanyikan sebutan huruf vokal (a, e, i, o, u).

STANDARD PEMBELAJARAN	
2.1.4 Membuat persembahan nyanyian secara ensembel dengan: i. pic dan sebutan yang betul. ii. teknik yang betul. iii. mengaplikasikan dinamik yang sesuai. 2.1.5 Menyatakan nilai dan etika sebagai *performer* dan penonton dalam persembahan nyanyian. 2.1.6 Mempamerkan nilai dan etika sebagai *performer* dalam persembahan nyanyian. 2.1.7 Mempamerkan nilai dan etika sebagai penonton dalam persembahan nyanyian.	• Nilai dan etika persembahan perlu dipraktikkan semasa PdP serta semasa persembahan. • Contoh nilai dan etika *performer:* – membuat latihan sendiri untuk meningkatkan kemahiran bernyanyi. – menepati waktu latihan yang telah ditetapkan. – menghormati ketua. – memberikan komitmen terhadap latihan persembahan. – sentiasa memberi kerjasama yang baik bersama *performer* yang lain termasuk kru persembahan. • Contoh nilai dan etika penonton: – menghormati *performer* yang sedang membuat latihan. – menghargai kepelbagaian.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	**TAFSIRAN**
4	Murid boleh menyanyikan lagu atau memainkan alat muzik secara ekspresif dan konsisten dalam ensembel dengan mengamalkan nilai dan etika persembahan.
3	Murid boleh mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran membaca notasi muzik semasa menyanyikan lagu atau memainkan alat muzik secara ensembel.
2	Murid boleh menerangkan perkara asas notasi muzik, menyanyikan lagu dan memainkan alat muzik secara ensembel.
1	Murid boleh menyatakan perkara asas notasi muzik dan menyanyikan lagu atau memainkan alat muzik secara ensembel.

Catatan:

Pentaksiran Bidang Pembelajaran Teori Muzik dan Bidang Pembelajaran Kemahiran Muzik akan menggunakan Standard Prestasi di atas.

BIDANG PEMBELAJARAN	**2.0 KEMAHIRAN MUZIK**
SUBBIDANG PEMBELAJARAN	**2.2 ENSEMBEL MUZIK**
PENERANGAN	**KANDUNGAN PEMBELAJARAN** Subbidang pembelajaran ini membolehkan murid mempelajari, menguasai dan mengaplikasi kemahiran asas bermain alat muzik secara ensembel. Murid berpeluang mempamerkan bakat dan membina keyakinan dalam aktiviti bermain alat muzik melalui persembahan yang ekspresif, konsisten dan beretika. Penyepaduan elemen penyayang, berdaya tahan, kepimpinan dan warganegara aktif dilaksanakan dalam aktiviti PdP dan persembahan nyanyian. Skop: 1. Pemilihan ensembel alat muzik berdasarkan kepakaran guru, persekitaran murid dan sekolah. 2. Mempelajari sekurang-kurangnya satu lagu. 3. Pemilihan lagu adalah bersesuaian dengan tahap pemilihan murid Tingkatan 1. 4. Persembahan dilaksanakan mengikut kesesuaian dan keperluan PdP.

	KOMPETENSI 1. Perkembangan diri • Murid boleh mengukuhkan minat dan bakat dalam permainan alat muzik. • Murid boleh menguruskan kesedaran sosial serta emosi semasa latihan dan persembahan muzik. • Murid boleh mempamerkan sikap dan pengetahuan yang menggalakkan perkembangan fizikal, emosi, intelek dan sosial yang sihat. 2. Literasi Pelbagai Murid boleh mengaplikasikan kemahiran membaca notasi muzik semasa memainkan alat muzik. 3. Komunikasi Murid boleh memberikan respon terhadap sesuatu mesej secara kritis, kreatif dan bertatasusila semasa memainkan alat muzik secara ensembel. 4. Kemahiran berfikir • Murid boleh membuat persembahan ensembel muzik. • Murid boleh mengaplikasikan kemahiran membaca notasi muzik secara sistematik semasa memainkan alat muzik.

STANDARD PEMBELAJARAN	
2.2.1 Mengenal pasti ensembel muzik pilihan: i. menamakan ensembel ii. menamakan alat muzik dalam ensembel iii. cara bermain alat muzik iv. cara penjagaan alat muzik	• Teknik memainkan alat muzik pilihan: – alat muzik tiupan – alat muzik bertali – alat muzik perkusi – alat muzik pergendangan
2.2.2 Memainkan alat muzik dengan teknik yang betul.	• Perincian teknik memainkan alat muzik bagi 2.2.2 adalah seperti di lampiran 5 pada muka surat 42.
2.2.3 Mengaplikasikan dinamik dalam permainan alat muzik: i. *piano* ($\boldsymbol{p}$) ii. *forte* ($\boldsymbol{f}$)	

STANDARD PEMBELAJARAN	
2.2.4 Membuat persembahan muzik secara ensembel dengan: i. ton yang betul mengikut tempo. ii. teknik yang betul. iii. keseragaman dan keseimbangan bunyi. iv. mengaplikasikan dinamik yang sesuai. v. mengikut arahan ketua atau pimpinan konduktor semasa persembahan. vi. mempamerkan kerjasama dalam kumpulan. vii. menerapkan nilai estetik dan keaslian budaya. 2.2.5 Menyatakan nilai dan etika sebagai *performer* dan penonton dalam persembahan. 2.2.6 Mempamerkan nilai dan etika sebagai *performer* dalam persembahan. 2.2.7 Mempamerkan nilai dan etika sebagai penonton dalam persembahan.	• Nilai dan etika persembahan perlu dipraktikkan semasa PdP serta semasa persembahan. • Contoh nilai dan etika *performer:* – membuat latihan sendiri untuk meningkatkan kemahiran alat muzik. – menepati waktu latihan yang telah ditetapkan. – menghormati ketua. – memberikan komitmen terhadap latihan persembahan. – sentiasa memberi kerjasama yang baik bersama *performer* yang lain termasuk kru persembahan. • Contoh nilai dan etika penonton: – menghormati *performer* yang sedang membuat latihan. – menghargai kepelbagaian.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	**TAFSIRAN**
4	Murid boleh menyanyikan lagu atau memainkan alat muzik secara ekspresif dan konsisten dalam ensembel dengan mengamalkan nilai dan etika persembahan.
3	Murid boleh mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran membaca notasi muzik semasa menyanyikan lagu atau memainkan alat muzik secara ensembel.
2	Murid boleh menerangkan perkara asas notasi muzik, menyanyikan lagu dan memainkan alat muzik secara ensembel.
1	Murid boleh menyatakan perkara asas notasi muzik dan menyanyikan lagu atau memainkan alat muzik secara ensembel.

Catatan:

Pentaksiran Bidang Pembelajaran Teori Muzik dan Bidang Pembelajaran Kemahiran Muzik akan menggunakan Standard Prestasi di atas.

LAMPIRAN 5

Perincian teknik memainkan alat muzik bagi SP 2.2.2 pada muka surat 39.

Alat Muzik Bertali atau Kordofon

1. Talaan alat muzik
2. Postur
3. Posisi tangan
4. Cara memegang alat
5. Penjarian
6. Artikulasi
7. Petikan
8. *Strumming*
9. Gesekan

Alat Muzik Tiupan atau Erofon

1. Talaan alat muzik
2. Postur
3. Posisi tangan
4. Cara memegang alat
5. Penjarian
6. Artikulasi
7. Pernafasan dan *phrasing*
8. *Embouchure*
9. Perlidahan

Alat Muzik Perkusi, Membranofon atau Idiofon

1. Talaan alat muzik
2. Postur
3. Posisi tangan
4. Cara memegang alat
5. Artikulasi
6. Paluan
7. Ketukan
8. Genggaman *mallet* atau pemukul

3.0 BIDANG PEMBELAJARAN KREATIVITI MUZIK

3.1 MENCIPTA CORAK IRAMA

BIDANG PEMBELAJARAN	**3.0 KREATIVITI MUZIK**
SUBBIDANG PEMBELAJARAN	**3.1 MENCIPTA CORAK IRAMA**
PENERANGAN	**KANDUNGAN PEMBELAJARAN** Subbidang pembelajaran ini membolehkan murid mempelajari, menguasai dan mengaplikasi kemahiran asas teknik mencipta corak irama. Murid berpeluang mempamerkan bakat, membina keyakinan diri dan penguasaan dalam hasil ciptaan serta mengamalkan nilai murni dalam persembahan muzik dengan menyepadukan elemen kepimpinan serta warganegara aktif. Skop: 1. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran pembelajaran teori muzik serta kemahiran muzik dalam aktiviti mencipta corak irama. 2. Persembahan dilaksanakan mengikut kesesuaian dan keperluan PdP.

	KOMPETENSI 1. Kemahiran Berfikir Murid boleh meningkatkan keupayaan berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif untuk menjana idea dalam mencipta corak irama. 2. Literasi Pelbagai Murid boleh meningkatkan keupayaan mentafsir maklumat yang diperoleh untuk mencipta corak irama. 3. Fasih Digital Murid boleh membina kemahiran pemikiran komputasional melalui aktiviti mencipta corak irama.

STANDARD PEMBELAJARAN	
3.1.1 Meneroka corak irama. 3.1.2 Memainkan corak irama secara: i. meniru (imitate). ii. panggil dan sahut (call and response). 3.1.3 Mencipta corak irama mudah. 3.1.4 Mempersembahkan hasil ciptaan corak irama.	Nota • Memainkan semula corak irama yang didengar. • Membuat improvisasi jawapan kepada soalan, corak irama yang didengar. • Mencipta jawapan soalan melodi yang didengar.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	**TAFSIRAN**
4	Murid boleh menghasilkan dan mempersembahkan karya muzik secara beretika.
3	Murid boleh mencipta corak irama mudah.
2	Murid boleh memainkan corak irama.
1	Murid boleh memainkan semula corak irama yang didengar.

4.0 BIDANG PEMBELAJARAN APRESIASI MUZIK

4.1 MUZIK MALAYSIA

BIDANG PEMBELAJARAN	**4.0 APRESIASI MUZIK**
SUBBIDANG PEMBELAJARAN	**4.1 MUZIK MALAYSIA**
PENERANGAN	**KANDUNGAN PEMBELAJARAN** Subbidang pembelajaran ini membolehkan murid mempelajari tentang muzik pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia. Murid membuat ulasan ringkas tentang muzik Malaysia agar dapat menghayati serta menghargai latar belakang kepelbagaian budaya dengan menyepadukan elemen penyayang dan warganegara aktif. Skop: 1. Fokus kepada muzik Malaysia. 2. Murid memilih satu jenis muzik Malaysia untuk ulasan ringkas.

	KOMPETENSI 1. Pembelajaran sepanjang hayat. • Murid boleh memupuk minat dan mengamalkan budaya membaca semasa mencari maklumat muzik Malaysia. • Murid boleh memperoleh pengetahuan dan maklumat berkaitan muzik Malaysia melalui pembelajaran kendiri. 2. Literasi Pelbagai • Murid boleh meningkatkan literasi budaya dengan memberi fokus kepada keupayaan memahami dan menghayati konteks kepelbagaian budaya dalam tradisi muzik di Malaysia. • Murid boleh mengumpul, menilai, menyampaikan dan menyimpan maklumat muzik Malaysia menggunakan pelbagai platform digital. 3. Komunikasi Murid boleh berkomunikasi secara lisan dan bukan lisan dengan yakin untuk memberi pendapat secara kritis dan bertatasusila dalam pembentangan muzik Malaysia.

STANDARD PEMBELAJARAN	
4.1.1 Mengenal pasti muzik Malaysia. 4.1.2 Menghuraikan secara ringkas muzik Malaysia yang didengar atau ditonton daripada aspek: i. latar belakang ii. fungsi muzik iii. cara persembahan iv. alat muzik 4.1.3 Menulis ulasan ringkas muzik Malaysia pilihan sendiri. i. latar belakang ii. fungsi muzik iii. cara persembahan iv. alat muzik	Nota • Mendapatkan dan memilih maklumat semasa proses mencari maklumat muzik pilihan daripada pelbagai sumber seperti: – media cetak – media digital

STANDARD PEMBELAJARAN	
4.1.4 Membuat pembentangan ulasan muzik Malaysia pilihan sendiri daripada aspek: i. latar belakang ii. fungsi muzik iii. cara persembahan iv. alat muzik	• Menggunakan kreativiti semasa pembentangan seperti: – membuat tunjuk cara – menggunakan aplikasi TMK • Menggunakan laras bahasa yang sesuai semasa membuat pembentangan. • Membuat pembentangan sekurang-kurangnya satu ulasan muzik Malaysia.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	**TAFSIRAN**
4	Murid boleh menulis ulasan muzik Malaysia pilihan sendiri dan membentangkan ulasan tersebut.
3	Murid boleh mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran muzik dalam menulis ulasan ringkas muzik Malaysia.
2	Murid boleh menerangkan muzik Malaysia yang didengar atau ditonton.
1	Murid boleh menyatakan jenis muzik Malaysia yang didengar atau ditonton.

GLOSARI

PERKATAAN/FRASA	MAKSUD
aktiviti muzik	aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran muzik contoh: bermain alat muzik dan bernyanyi
allegro	tempo laju
andante	tempo sederhana lambat
bowing	teknik bermain alat bertali dengan menggunakan *bow* contoh: *violin, viola, cello* dan *double bass*
corak irama	pergerakan bunyi muzikal yang terhasil daripada gabungan bunyi panjang dan pendek
dinamik	perubahan bunyi sama ada kuat atau lembut dalam persembahan muzik
embouchure	teknik bibir ketika memainkan alat muzik tiupan
ensembel	pemuzik yang bermain alat muzik atau bernyanyi bersama-sama secara berkumpulan

GLOSARI

PERKATAAN/FRASA	MAKSUD
forte (***f***)	bunyi kuat
fungsi muzik	tujuan atau kegunaan sesuatu muzik itu dimainkan atau dipersembahkan contoh: hiburan, perubatan, keagamaan dan membangkitkan semangat
garis lejer	garisan tambahan yang dilukis di atas atau di bawah garis baluk
kuartet	sekumpulan pemuzik atau penyanyi yang terdiri daripada empat orang sahaja
muzik Malaysia	muzik yang berteraskan budaya pelbagai kaum di Malaysia
perlidahan (tonguing)	teknik tiupan menggunakan lidah untuk mengawal artikulasi bagi alat-alat tiupan
pic (pitch)	bunyi tinggi, rendah dan sederhana
piano (***p***)	bunyi lembut

GLOSARI

PERKATAAN/FRASA	MAKSUD
postur (*posture*)	kedudukan atau posisi tubuh badan yang betul semasa bermain alat muzik atau bernyanyi
skel	susunan not mengikut kaedah - kaedah tertentu
skor muzik	notasi muzik sesuatu lagu
tempo	kelajuan muzik
unison	bernyanyi dengan satu lapisan suara

Catatan: Maksud perkataan dalam glosari ini adalah bagi penggunaan dalam dokumen kurikulum ini sahaja.

PENGHARGAAN

Penasihat

Hajah Nooraini binti Kamaruddin	Pengarah
Sarina binti Salim	Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Dasar Sains dan Teknologi)

Penasihat Editorial

Hajah Isnazhana binti Haji Ismail	Timbalan Pengarah
Haji Shahbani bin Othman	Timbalan Pengarah
Dr. Aszunarni binti Ayob	Timbalan Pengarah
Nor Azman bin Abd. Wahab	Timbalan Pengarah
Nur Krismarina binti Abd Karim	Timbalan Pengarah
Haji Mohd Kamal bin Abdullah	Timbalan Pengarah
Haji Mhd Shafiee bin Abd Ghani	Timbalan Pengarah
Harlina binti Mohamad	Timbalan Pengarah

Panel Penggubal

Faridah binti Ramly	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Mohamed Azhar bin Mohamed Harith	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Nurunnajwa binti Painoh	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Wan Haris bin Wan Ismail	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Dr. Mohd Fazil bin Musa	IPG Kampus Pendidikan Islam, Selangor
Nik Rozalind binti Hassan	IPG Kampus Ilmu Khas, WP Kuala Lumpur
Prof. Dr. Mohd Hassan bin Abdullah	Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
Prof. Dr. Shahanum binti Mohd Shah	Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
Prof. Madya Dr. Mohd Azam bin Sulong	Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
Haidir bin Mohd Tahir	Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Ibrahim bin Md Tahir	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Faiz Anwar bin Abdul Wahab	SMK Taman Bukit Maluri, WP Kuala Lumpur
Farah Adilla binti Nor Hashim	SMK Pernu, Melaka
Ili Suhaili binti Md Shahid	SMK Yong Peng, Johor
Megat Mohd Affiq bin Abd Latiff	SMK Seri Pagi, Negeri Sembilan
Muhammad Affan bin Nor Azrol	SMK Danau Kota, WP Kuala Lumpur
Muhamad Arif Zaharien bin Khairul Anuar	SMK Parit Bunga, Johor
Muhamad Hasif bin Hasan	SMK Seri Lalang, Johor
Mohd Hazlie bin Mohd Rislan	SMK Mutiara Rini, Johor
Mohd Izuwan bin Ibrahim	SMK Segambut, WP Kuala Lumpur
Mohd Ridzal bin Saari	SK Pandan Perdana, Selangor

Panel Penggubal

Mohamad Danial bin Mohd Nazrin	SMK Bandar Baru Sentul, WP Kuala Lumpur
Mumtaza binti Idris	SMK Cochrane Perkasa, WP Kuala Lumpur
Norshahizan binti Baharum	SMK Cheras, WP Kuala Lumpur
Nurhana binti Ayub	SMK Danau Kota, WP Kuala Lumpur
Aida binti Abdul Jalil	SMK Seri Ampangan, Negeri Sembilan
Nur Farah Afifi binti Mohd Awaluddin	Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan
Wan Kamarul Ariffin bin Wan Tajulruddin	SMK Bukit Rangin, Pahang
Dr. Ramona binti Mohd Tahir	
Abdul Halim bin Abdul Wahab	

Panel Perujuk Bahasa

Norizan binti Muhiddin@Yidin	Pejabat Pendidikan Daerah Gombak, Selangor
Dr. Nazri bin Abu Bakar	SMJK Yoke Kuan, Selangor
Abdul Raouf bin Mohd Dahlan	SMK Ideal Heights, Selangor
Mariyane binti Md Desa	SMK Serendah, Selangor

Panel Verifikasi Dokumen

Dr. Aszunarni binti Ayob (Pengerusi)	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Dr. Intan Baizura binti A Ghani	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Siti Rosni binti Nik Mohd Zaid	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Siti Zulikha binti Zelkepli (Urusetia)	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Fathimah binti Habib Rahman	Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Farasida binti Abdul Malek	Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Norhapipah binti Md. Shah	Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Prof. Madya Dr. Lena Farida binti Hussain Chin	Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
Puan Nur Ain Wong binti Abdullah	IPG Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur
Shariful Akma bin Abdullah	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, WP Kuala Lumpur

ISBN 978-967-420-838-7

ISBN

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan
Aras 4, 6-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya.

03 8884 2000

03 8888 9917

http://bpk.moe.gov.my